

TARIKH : 20 JANUARI 2023  
 AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 10

Malaysia tidak berada di ambang muflis, miliki kedaulatan monetari

# Malaysia tidak berada di ambang muflis, miliki kedaulatan monetari

● Pengurusan hutang negara tidak semestinya bermaksud mengurangkan nilai hutang RM1.2 trilion seperti diumumkan Perdana Menteri

● Belanjawan 2023 perlu ambil kira tindakan mengurus hutang negara secara berhemah dengan menumpukan kepada strategi, dasar dan inisiatif lebih baik



**Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin**  
 bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Ketika** mengadakan sesi dialog Belanjawan 2023 di Putrajaya beberapa hari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebut hutang negara kini mencecah RM1.2 trilion. Jika diambil kira liabiliti pula, ia mencecah RM1.5 trilion.

Tidak dapat dinafikan, hutang negara perlu dikawal dan perlu ditangani segera. Namun, isu hutang atau pengurusan hutang negara ini perlu diletakkan dalam perspektif betul.

Ia bagi memastikan tidak berlaku salah faham, terutama kepada pelabur dan komuniti perniagaan, sama ada pada peringkat antarabangsa dan tempatan.

Pemahaman mengenai istilah hutang negara juga perlu diperjelaskan kepada rakyat secara keseluruhan supaya tidak ada salah faham keadaan ekonomi Malaysia ketika ini.

Pertama, kenaikan tahap hutang dan defisit negara selepas mendepani cabaran pandemik COVID-19 bukan hanya unik kepada Malaysia sahaja, sebaliknya kebanyakan negara luar sama ada maju dan membangun mengalami fenomena sama.

Mac 2020 adalah masa hampir seluruh negara dunia melaksanakan pelbagai bentuk sekatan mengakibatkan aktiviti ekonomi terhenti mendadak. Ini mengakibatkan kejutan permintaan dan penawaran secara serentak serta bersama di hampir semua pelusok dunia. Inilah 'harga' perlu dibayar untuk menyelamatkan seramai mungkin nyawa ketika itu.

Hampir semua kerajaan di seluruh dunia terpaksa memperkenalkan batus bilion dan trilion pakej rangsangan ekonomi bertindak sebagai 'pelampung penyelamat' untuk meneruskan kehidupan rakyat, sekali gus mengelakkan pengangsuran besar-besaran ketika pandemik.

Frasa diketengahkan ketika itu ialah 'whatever it takes.' Malaysia melancarkan pelbagai bentuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pakej rangsangan ekonomi, selain pelbagai bentuk bantuan khusus kepada ekonomi, perniagaan dan rakyat dalam mendepani pilihan amat sukar antara nyawa dengan ekonomi.

Oleh itu, sekarang nilai hutang di negara ini meningkat dan mencecah hingga RM1 trilion. Negara di dunia ketika ini juga mengalami situasi hampir sama.

Jika kita lihat dari segi peratusan atau nisbah hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hutang negara sebenarnya masih lagi baik, iaitu sekitar 61 peratus, berbanding Singa-

pura sebanyak 132.8 peratus, Sri Lanka (107.2 peratus), China (73.2 peratus) dan Jepun (263.1 peratus).

Kebanyakan negara dikategorikan sebagai maju dan berpendapatan tinggi serta mempunyai penarafan kredit positif juga mempunyai nilai hutang serta nisbah hutang kepada KDNK tinggi, seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Perancis serta Kanada.

**Hutang negara perlu diurus berhemah**

Soalnya, bagaimana ini boleh berlaku? Kita ambil contoh mudah. Jika negara A mempunyai hutang RM3 trilion dan negara B menanggung hutang RM30 trilion, adakah kita boleh simpulkan ekonomi negara A lebih baik berbanding negara B kerana mempunyai hutang jauh lebih rendah?

“Walaupun hutang negara melebihi RM1 trilion, ini bukan petunjuk ekonomi negara berada di ambang muflis seperti Greece atau Sri Lanka. Berbeza dengan Greece, Malaysia masih mempunyai kedaulatan monetari dengan dapat menerbitkan mata wangnya sendiri”

Jawapannya, tidak semestinya kerana ia bergantung petunjuk ekonomi lain dan memerlukan lensa analitikal ekonomi lebih menyeluruh.

Misalnya nilai KDNK negara terbabit. Jumlah KDNK negara berkenaan penting kerana ini boleh menentukan kemampuan sesebuah negara berhutang. Begitu juga dari segi dasar, strategi dan hala tuju ekonomi dirancang serta digubal.

Ini akan menunjukkan bagaimana hutang ini sudah dan akan dibelanjakan, sama ada digunakan secara produktif, iaitu akan meningkatkan kapasiti ekonomi serta kualiti hidup rakyat serta alam sekitar dan pembangunan modal pada masa hadapan atau sebaliknya.

Dalam konteks Malaysia, dari segi pengurusan

hutang negara, kerajaan menetapkan had siling hutang statutori, iaitu pada kadar 65 peratus dan ketika ini, nilai nisbah hutang negara masih di bawah paras itu. Namun, harus diketahui had siling hutang statutori ini boleh diubah dari masa ke semasa.

Sememangnya hutang negara ketika ini perlu diurus berhemah. Pada satu ketika, iaitu pertengahan 1980-an, nisbah hutang negara kepada KDNK melebihi 100 peratus. Pada 1986 misalnya, nilainya berada pada 103.4 peratus dan 101.7 peratus (1987). Kini, negara berjaya mengurangkan nilai hutang ini dan kekal berada di bawah paras 100 peratus.

Pada 1997, iaitu ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan, untuk kali pertama nisbah hutang negara kepada KDNK berada pada kadar 31 peratus.

Belanjawan negara juga berada pada paras lebih ketika itu. Namun, pada 1998, krisis kewangan melanda negara dan di rantau ini mengakibatkan Malaysia mengalami belanjawan defisit hingga kini. Ketika pandemik, peningkatan dalam tahap defisit belanjawan juga diforkatkan.

**Tingkat pembangunan modal**

Maka, apakah boleh dijangkakan dalam Belanjawan 2023 akan dibentangkan semula pada Februari ini dari segi pengurusan hutang negara?

Walaupun hutang negara melebihi RM1 trilion, ini bukan petunjuk ekonomi negara berada di ambang muflis seperti Greece atau Sri Lanka. Berbeza dengan Greece, Malaysia masih mempunyai kedaulatan monetari dengan dapat menerbitkan mata wangnya sendiri. Lebih 90 peratus hutang negara adalah daripada sumber domestik.

Maka, 'pengurusan hutang' negara di sini tidak semestinya bermaksud mengurangkan nilai hutang RM1.2 trilion seperti diumumkan kerana belanjawan berbentuk mengembang masih lagi perlu ketika ini, apatah lagi dalam fasa pemulihan dan menuju ke arah fasa endemik ini.

Jika ekonomi hijau dan pembangunan teknologi diberi fokus pada belanjawan ini misalnya, kerajaan perlu berbelanja lebih. Begitu juga dalam usaha menangani isu kos sara hidup, sekuriti makanan dan memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Oleh itu, apa lebih penting dalam Belanjawan 2023 ini bagi mengurus hutang negara secara berhemah adalah tertumpu strategi, dasar dan inisiatif lebih baik. Ini bagi memastikan kapasiti produktif negara dapat ditingkatkan serta pembangunan modal dan kesejahteraan rakyat dapat dikembangkan serta ditingkatkan, walaupun sedikit sebanyak meningkatkan nilai hutang masa hadapan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH